

# Masalah air di Padang Besar akan dibawa ke Pusat

7 AUG 2000

PADANG BESAR, Ahad - Masalah bekalan air di Padang Besar akan dibawa ke peringkat Pusat sekiranya Jabatan Kerja Raya (JKR) gagal mengatasi masalah itu dalam tempoh terdekat.

Ahli Parlimen Padang Besar, Datuk Azmi Khalid, berkata masalah itu sudah lama berlarutan tetapi JKR gagal menanganinya.

Katanya, keadaan itu tidak sepatutnya berlaku kerana Padang Besar terletak hanya kira-kira 20 kilometer dari Empangan Timah Tasoh iaitu pusat pengumpulan air terbesar di negeri ini.

"Masalah itu sudah beberapa kali dilaporkan kepada JKR tetapi tiada tindakan berkesan diambil," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penghayatan dan Perbahasan ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Institut Kemahiran Mara (IKM) Beseri, dekat sini, hari ini.

Turut hadir, Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Annuar Musa; Timbalan Ketua Umno Bahagian Padang Besar, Datuk Yazid Mat dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beseri, Zahidi Zainul Abidin.

Azmi diminta mengulas masalah bekalan air yang dihadapi lebih 2,000 keluarga di Padang Besar, kebelakangan ini. Masalah itu menyebabkan sebilangan daripada mereka terpaksa membeli air bersih dari negara jiran untuk keperluan harian.

Mereka terpaksa membeli air paip untuk memasak, mandi dan membasuh pakaian. Keadaan bertambah rumit jika ada penduduk yang mahu mengadakan kenduri kahwin.

Kawasan yang teruk mengalami masalah itu ialah Taman Perumahan Kim, Kampung Kolam, Rancangan Perumahan awam (RPA), Kampung Melayu, pekan Padang Besar dan Batu 18 Jalan Kaki Bukit.

Azmi yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, mencadangkan JKR supaya mengkaji punca utama masalah itu dan mencari jalan terbaik menanganinya supaya tidak menimbulkan pelbagai kesulitan kepada rakyat.